

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI  
SELAKU YANG DIPERTUA BAKTI  
DI MAJLIS PENYERAHAN BUNGKUSAN HARI RAYA  
KEPADA PASUKAN KESELAMATAN  
DI SERI PERDANA, PUTRA JAYA  
PADA HARI SELASA, 28 DISEMBER 1999  
JAM 9.30 PAGI**

-----

Syukur Alhamdulillah! Bersyukur kita ke-hadrat Ilahi kerana sekali lagi dapat kita berkumpul di sini untuk memperingati dan menghargai Pasukan Keselamatan Negara pada bulan Ramadan yang mulia ini dan menjelang Hari Raya Aidilfitri.

2. Saya mengalu-alukan tetamu-tetamu yang julungkali datang ke Seri Perdana Putra Jaya, kediaman rasmi baru Perdana Menteri. Kediaman ini sungguh jauh, mungkin ada yang sesat jalan, dibandingkan dengan Sri Perdana Damansara. Oleh itu saya ucapkan selamat datang dan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan kerana melapangkan masa untuk bersama-sama dengan BAKTI di Majlis tahunan ini.

3. Berbagai-bagai peristiwa telah berlaku sepanjang tahun ini, untuk menutup tirai alaf yang ke-20. Syukur Alhamdulillah, tiada peristiwa yang amat teruk yang menjejaskan atau menggugat kesejahteraan rakyat dan keselamatan Negara. Namun, kita tahu bahawa Angkatan tentera dan polis kita sentiasa prihatin dan bersiap sedia untuk menangani apa jua kemungkinan yang akan berlaku.

4. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak keselamatan, khasnya pihak Polis, yang telah berjaya menjaga keselamatan dan kawalan ketat pada hari mengundi 29 November 1999 di seluruh Negara supaya pengundian dijalankan dengan sempurna dan licin. Syabas!

5. Ketika ini, seperti dilihat di media cetak dan elektronik, sebahagian besar Angkatan Tentera dan Polis berada di kawasan luar dan berjauhan daripada keluarga. Mereka terbuka

puasa di batasan, di atas bot peronda sesama sendiri dan begitu juga mereka yang terpinggil bertugas di luar negara berbuka puasa dengan masyarakat asing merata dunia.

6. BAKTI ingin menyatakan sekali lagi penghargaan dan terima kasih kami yang tidak terhingga kepada kedua-dua pasukan keselamatan kita yang masing-masing telah menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan cemerlang di dalam dan di luar negara. Keamanan dan ketenteraman rakyat dan negara hari ini adalah kerana jasa-jasa mereka semua. Saya percaya ramai yang menyaksikan perarakan Angkatan Tentera dan Angkatan Polis setiap Hari Kebangsaan di Ibu Kota berasa bangga melihat kegagahan, keberanian wira-wira kita yang bersenjata dan tidak bersenjata. Mereka inilah yang berhadapan dengan risiko-risiko bahaya demi untuk mempertahankan keamanan dan kedaulatan negara. Dalam perasaan bangga itu, tentu juga terguris perasaan sedih mengenangkan mereka yang terkorban, tercedera dan tidak berupaya bersama-sama wira yang lain pada Hari Perayaan Kebangsaan. Kepada bunga-bunga Bangsa yang gugur, kita panjatkan doa semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala sentiasa mencucuri rahmat dan kesejahteraan kepada roh mereka, harum sentiasa di dalam Syurga. Kepada mereka yang cedera dan tidak berupaya kerana kemalangan semasa bertugas, kita mendoakan jua semoga mereka akan hidup dalam keselesaan dan tidak terasing diri daripada masyarakat.

7. Kini, mungkin ramai lagi anggota Pasukan Keselamatan Malaysia yang masih bertugas di luar negara. Prestij tinggi dan imej Pasukan kita sentiasa di puji dan dihormati. Saya mengucapkan syabas kepada pihak Angkatan Malaysia kerana tidak tunduk kepada mana-mana pihak semasa menjalankan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka. Sungguhpun bersenjata, kita bukan jenis yang suka berkelahi dengan sesiapa kecuali dicabar oleh pihak-pihak yang lebih kurang pengalaman daripada kita.

8. BAKTI ingin ucapkan tahniah kepada anggota Pasukan Malaysia yang telahpun kembali daripada tugas-tugas cemerlang di Bosnia Herzegovina. Mungkin ramai lagi berada di Afrika dan kini, di kawasan-kawasan baru di Asia. Sama-samalah kita mendengar sedikit berita mengenai mereka yang berada di luar negara dari PAT dan KPN nanti. Di mana juga mereka berada, BAKTI berasa bangga mereka terpilih mewakili negara Malaysia dan yakin bahawa

baik apapun cabaran yang mungkin mereka hadapi, Pasukan Tentera dan Polis kita akan sedia menghadapi dan mengatasinya. Kepada wira-wira bangsa ini, BAKTI ucapkan syabas dan tahniah dan mendoakan semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala akan sentiasa berada dengan mereka dan melindungi mereka dari mara bahaya.

9. Kepada isteri-isteri dan keluarga Pasukan Keselamatan dari Tentera dan Polis, BAKTI mengucapkan syabas dan terima kasih atas kerelaan mereka terasing daripada suami dan bapa. BAKTI mendoakan mereka dikurniakan hati yang sama berani dan cekal, sabar dan beriman supaya yakin bahawa wira-wira mereka akan pulang dengan selamat, insya-Allah. Sementara itu, diharap isteri-isteri menjaga keluarga dengan baik dan berhubung rapat dengan pihak Persatuan Kebajikan masing-masing supaya tidak berasa pilu dan terasing.

10. Menghargai tanggungjawab dan pengorbanan yang tidak ternilai ini, tiada balasan yang setimpal baginya melainkan mendoa kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala agar dikurniakan taufik dan hidayah, kesejahteraan dan perlindungan keselamatan kepada Angkatan Tentera dan Polis di mana jua mereka berada. Doa BAKTI ini adalah untuk semua lapisan anggota dari setinggi-tingginya pangkat Panglima dan Ketua Polis hinggalah ke rekrut-rekrut yang terbaru sekali. Mudah-mudahan Allah memberkati doa kita, insya-Allah.

11. Bungkusan juadah yang tidak sapertinya ini berjumlah ..... untuk Angkatan Tentera dan ..... untuk Pasukan Polis akan disampaikan dengan ikhlas dari BAKTI. Diharap juadah yang kecil ini akan menghibur sedikit hati wira-wira bangsa di mana jua mereka bertugas. Selamat Berhari Raya dan Selamat bertugas dengan cemerlang lagi dalam tahun 2000 dan alaf baru.

12. Saya ucapkan terima kasih kepada Pegawai Polis dan Tentera yang bersama-sama dengan BAKTI membungkus dan memeriksa isian kotak-kotak makanan. Kehadiran mereka membantu menyelesaikan urusan dengan cepat dan saya ucapkan terima kasih.

13. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada PAT & KPN serta isteri-isteri dan rombongan kerana menyerikan lagi majlis tahunan BAKTI ini. Semoga Majlis ini diberkati

Allah Subhanahu wa Ta'ala, insya-Allah. Selamat Hari Raya, maaf zahir dan batin. Selamat menyambut tahun 2000 dan alaf baru.

Wabillahitaufik walhidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

\*\*\*\*\*